

Utusan Borneo Sarawak
16 January 2018

CIMB sasar premium tahunan RM30j daripada produk baharu

KUALA LUMPUR: CIMB Bank Bhd menyasarkan mencapai premium tahunan RM30 juta daripada penawaran produk rancangan persaraan terbaharunya, Sun Income Secure, bagi tahun kewangan 2018.

Produk tersebut adalah kerjasama antara CIMB dan rakan kongsi bancaassurance, Sun Life Malaysia Assurance Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Pengguna CIMB Group, Samir Gupta, berkata produk itu merupakan satu penyelesaian inovatif yang menyediakan perlindungan, pelaburan dan simpanan dalam satu pelan mudah.

“Ini merupakan sebahagian daripada tawaran holistik CIMB untuk menyokong impian kewangan dan cita-cita pelanggan kami, disokong oleh rancangan digital untuk menyediakan pengalaman perbankan yang menarik kepada pelanggan kami,” katanya pada pelancaran produk tersebut di sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata syarikat itu menyasar menarik antara 2,000 dan 3,000 pelanggan baharu tahun ini menerusi produk tersebut.

Beliau berkata produk itu disasarkan kepada pelanggan berusia semuda 30 tahun dan mereka yang hampir usia persaraan, dengan sumbangan premium minimum RM6,000 setahun.

Sementara itu, Ketua Serantau CIMB bagi Pengurusan Harta, Gary Yong berkata produk itu merupakan penawaran yang ke-13 oleh bank tersebut secara kerjasama dengan Sun Life Malaysia, yang mereka mula menjalin perkongsian pada 2013.

Beliau berkata selain daripada Sun Income Secure, CIMB dan Sun Life Malaysia akan memperkenalkan dua lagi produk tahun ini.
— Bernama